

31 Mac 2020

KEPADA SEMUA KAKITANGAN NORTHPORT (MALAYSIA) BHD

PER : KEMASKINI MAKLUMAT BERKAITAN INISIATIF SYARIKAT MENDEPANI WABAK PANDEMIK COVID-19

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua warga TeamNorthport.

Penularan wabak pandemik COVID-19 yang sedang melanda seluruh dunia termasuklah negara kita pada hari ini semakin membimbangkan. Saban hari, jumlah yang disahkan positif di Malaysia masih tidak lagi menunjukkan tanda-tanda penurunan dan daerah Klang adalah antara kawasan yang telah dikategorikan di dalam Zon Merah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sejak beberapa hari yang lalu disebabkan jumlah kes positif yang tinggi.

Pihak Syarikat memandang serius berkaitan dengan hal ini dan akan terus berusaha untuk memastikan kesihatan dan keselamatan semua kakitangan dipelihara.

Alhamdulillah, sehingga ke hari ini, tiada kakitangan Northport yang disahkan positif COVID-19, namun Syarikat komited untuk terus melaksanakan inisiatif-inisiatif proaktif, bagi melindungi semua kakitangan dari wabak yang merbahaya ini. Antara inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

1. Kerja-kerja disinfeksi dan nyahcemar dilakukan di tempat-tempat yang mempunyai risiko jangkitan dan kawasan tumpuan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ("Movement Control Order").
2. Saringan suhu badan dibuat di semua pintu masuk Northport. Kakitangan dan pengguna pelabuhan yang menunjukkan simptom wabak ini tidak dibenarkan masuk.
3. Penjarakan sosial ("Social Distancing") diamalkan di seluruh premis Northport khususnya di pejabat, kantin, lif bangunan, serta kawasan-kawasan tumpuan yang lain.
4. Penyediaan topeng muka, sarung tangan, "hand sanitizer" dan apron untuk kakitangan operasi.
5. Penyediaan "hand sanitizer" serta sabun dan air di pejabat-pejabat dan kawasan-kawasan tumpuan.

6. Penyampaian maklumat dan kesedaran berkaitan COVID-19 kepada kakitangan melalui saluran komunikasi rasmi Syarikat termasuk e-mail, whatsapp dan facebook.
7. Tindakan tegas akan diambil ke atas kakitangan atau pengguna pelabuhan yang tidak melaporkan atau menyembunyikan jangkitan wabak COVID-19 sama ada mengenai diri sendiri, kontak rapat ataupun pekerja/rakan sekerja syarikat.

Pihak Syarikat akan memaklumkan kepada semua kakitangan akan perkembangan terkini berkaitan dengan COVID-19 dan langkah-langkah susulan terbaru dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Saya Yang Menjalankan Amanah,
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD



DATO' AZMAN SHAH MOHD YUSOF
Ketua Pegawai Eksekutif